

## HAJI MABRUR

### 22 Zulhijjah 1443 / 22 Julai 2022

اَحْمَدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ  
أَعْمَالِنَا مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلٌّ لَهُ وَمَنْ يُضْلِلُ فَلَا هَادِيَ لَهُ  
وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ  
وَرَسُولُهُ  
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.  
أَمَّا بَعْدُ،  
فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوْصِيْكُمْ وَإِيَّاهُ يَتَقَوَّى اللَّهُ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa-Ta'ala dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati dan dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala di dunia dan akhirat.

#### Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala

Sesungguhnya setiap umat Islam yang menunaikan ibadah haji mengharapkan memperolehi haji mabrur. Firman Allah Subhanahu wa-Ta'ala dalam surah al-Baqarah ayat 196:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَأَتِمُّوا الْحَجَّ وَالْعُمْرَةَ لِلَّهِ

**Yang bermaksud:** “*dan sempurnakanlah ibadah haji dan umrah kerana Allah.*”

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad ;

الْحَجَّ الْمَبْرُورُ لَيْسَ لَهُ جَزَاءٌ إِلَّا جَنَّةً

**Yang bermaksud:** “*Haji mabrur tidak ada ganjaran baginya melainkan syurga.*”

Menurut **Jalaluddin as-Suyuthi** salah satu bukti bahawa seseorang telah berhasil memperolehi haji mabrur adalah ketika ia kembali menjadi lebih baik daripada sebelumnya dan terus berusaha mengurangi perbuatan maksiat.

Tanda-tanda haji yang diterima Allah Subhanahu wa-Ta’ala ialah perubahan akhlaknya kepada yang lebih baik serta menjaga masa dan tidak melakukan perkara sia-sia. Di samping itu, orang yang mendapat haji mabrur sentiasa mengajak orang lain mencintai Allah Subhanahu wa-Ta’ala dan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam serta memperbanyakkan amalan membaca al-Quran, tahajud, solat jemaah dan solat sunat serta mengimarahkan masjid. Jika dia seorang peniaga, penjawat awam, usahawan dan sebagainya dia adalah seorang yang jujur dan amanah dalam semua kerjayanya.

**Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta’ala**

Orang yang mendapat haji mabruk bukan sahaja memberi manfaat kepada dirinya, malah orang lain juga mendapat kebaikan daripadanya seperti ibu bapa, isteri, anak dan masyarakat sekeliling.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ

فَإِذَا قَضَيْتُمْ مَنَسِكَكُمْ فَادْكُرُوا اللَّهَ كَذِكْرِكُمْ إِبَاءَكُمْ أَوْ أَشَدَّ ذِكْرًا

فَمِنَ النَّاسِ مَنْ يَقُولُ رَبَّنَا وَمَا لَهُ فِي الْآخِرَةِ مِنْ خَلْقٍ

**Yang bermaksud:** “apabila kamu telah menyelesaikan ibadah hajimu, maka berzikirlah dengan menyebut Allah, sebagaimana kamu menyebut-nyebut (membangga-banggakan) nenek moyangmu, atau (bahkan) berzikirlah lebih banyak dari itu. Maka di antara manusia ada orang yang berdoa: "Ya Tuhan kami, berilah kami (kebaikan) di dunia", dan tiadalah baginya bahagian (yang menyenangkan) di akhirat.”

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الآيَاتِ وَالذِّكْرِ  
الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلاؤتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي هَذَا  
وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ  
وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاهَ التَّائِيْنَ.